



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 58

6hb Januari 2005

No. 1

---

AKTA EKSAIS 1976  
(Akta 176)

EXCISE ACT 1976  
(Act 176)

No. 1.

(Seksyen 31)

PELANTIKAN AHLI-AHLI LEMBAGA PELESENAN

(Section 31)

APPOINTMENT OF MEMBERS OF THE LICENSING BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Eksais 1976 [Akta 176], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan yang disiarkan sebagai P.U. (B) 353 bertarikh 2 Jun 1977, saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi ahli-ahli Lembaga Pelesenan bagi Daerah Perak Tengah bagi tempoh 3 tahun mulai dari 1 Januari 2005 hingga 31 Disember 2007.

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [Act 176], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan *vide* notification published as P.U. (B) 353 dated 2 June 1977, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint the persons named in the Schedule to be members of the Licensing Board for the District of Perak Tengah for a period of 3 years with effect from 1 January 2005 until 31 December 2007.

## JADUAL/SCHEDULE

Pegawai Daerah Perak Tengah	Pengerusi/Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah Perak Tengah	Naib Pengerusi/ Vice Chairman
Encik Pan Chok Pang	Ahli/Member
Encik Chang Choon Fah	Ahli/Member
Encik Kawiri a/l Nadapan	Ahli/Member

Bertarikh 15 Disember 2004  
 Dated 15 December 2004  
 [PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/10 Jld. 2(2);  
 PU.PK. 53/99]

DATO' SERI DIRAJA HAJI MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
*Menteri Besar*  
*Perak*

**No. 2.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 31 Akta Eksais 1976 [*Akta 176*], yang telah diwakilkan oleh Menteri kepada Menteri Besar Perak Darul Ridzuan melalui pemberitahuan yang disiarkan sebagai P.U. (B) 353 bertarikh 2 Jun 1977, saya, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, melantik orang yang dinamakan dalam Jadual menjadi ahli-ahli Lembaga Pelesenan bagi Daerah Manjung bagi tempoh 2 tahun mulai dari 16 Jun 2004 hingga 15 Jun 2006.

In exercise of the powers conferred by section 31 of the Excise Act 1976 [*Act 176*], which had been delegated by the Minister to the Menteri Besar of Perak Darul Ridzuan *vide* notification published as P.U. (B) 353 dated 2 June 1977, I, Dato' Seri DiRaja Mohamad Tajol Rosli bin Ghazali, Menteri Besar, Perak Darul Ridzuan, appoint the persons named in the Schedule to be members of the Licensing Board for the District of Manjung for a period of 2 years with effect from 16 June 2004 until 15 June 2006.

## JADUAL/SCHEDULE

Pegawai Daerah Manjung	Pengerusi/Chairman
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) Manjung	Naib Pengerusi/ Vice Chairman
Encik Krishnan a/l Raman	Ahli/Member

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

3

Encik Beh Chiew Ning	Ahli/Member
Encik Ngoi Kuan Hock	Ahli/Member
Encik Rajarathnam a/l Ayanar	Ahli/Member

Bertarikh 15 Disember 2004  
Dated 15 December 2004  
[PSUK.PK.(BPK) 1A 355/951/10 Jld. 2(6);  
PU.PK. 53/99]

DATO' SERI DIRAJA HAJI MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN GHAZALI  
*Menteri Besar*  
*Perak*

## AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984 (Akta 313)

## NATIONAL FORESTRY ACT 1984 (Act 313)

No. 3.

(Seksyen 11 dan 13)  
PENGELUARAN SEBAHAGIAN KAWASAN TANAH  
DARIPADA HUTAN SIMPAN PIAH

(Section 11 and 13)

EXCISION OF PART OF LAND FROM THE PIAH FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta*, maka kawasan yang diperihalkan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Piah yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 164 bertarikh 29 Januari 1915 hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada hutan simpan kekal itu.

### JADUAL

Tanah seluas 939 hektar dalam Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak bergarisan tepi warna kelabu pada P.W. 1314 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 16 Disember 2004  
[PTG.Pk. 394/4-13(C); PTLG(T) 234/95;  
PU.PK. 67/71-47 Jld. 2]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Piah Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government *Gazette* No. 164 dated 29 January 1915 shall cease to be part of the permanent reserved forest.

#### SCHEDULE

The land of 939 hectares in the Mukim of Lenggong, District of Hulu Perak outlined in grey on C.P. 1314 deposited in the office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 16 December 2004  
 [PTG.Pk. 394/4-13(C); PTLG(T) 234/95;  
 PU.PK. 67/71-47 Jld. 2]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

KANUN TANAH NEGARA  
 (Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
 (Act 56 of 1965)

**No. 4.**

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN-PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LANDS FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1), Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Halaman Ampang Mewah, Ampang, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Surau, Sekolah Agama Rakyat dan saraannya dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

5

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—PA 92286. No. Lot—358488.  
Luas—7,028 meter persegi.

Bertarikh 6 Disember 2004  
[PTG. Pk.239/7-348(C); PTK(I) No. 1/21/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 2]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Halaman Ampang Mewah, Ampang, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Surau, Sekolah Agama Rakyat dan saraannya and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam Dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—PA 92286. Lot No.—358488.  
Area—7,028 square metres.

Dated 6 December 2004  
[PTG. Pk.239/7-348(C); PTK(I) No. 1/21/2000;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 2]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

## No. 5.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1), Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Poi dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6

[6hb Jan. 2005]

## JADUAL

Daerah—Hulu Perak. Mukim—Lenggong. No. Pelan—P.W. 1315. Luas—939 hektar.

Bertarikh 16 Disember 2004  
[PTG. Pk.394/4-13(C); PTLG(T) 234/95;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 2]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Lenggong, District of Hulu Perak described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Poi and has designated that the Federal Lands Commisioner shall have control of the reserved land and the reserved land shall be maintained by the Department of Orang Asli Affairs, Ministry of National Unity and Social Development.

## SCHEDULE

District—Hulu Perak. Mukim—Lenggong. Plan No.—C.P. 1315. Area—939 hectares.

Dated 16 December 2004  
[PTG. Pk.394/4-13(C); PTLG(T) 234/95;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 2]

HAJI SHARAIN BIN TAKIN  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

## No. 6.

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENYATAKAN CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
SURATAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN HAKMILIK  
YANG DIKELUARKAN BARU BAGI MENGGANTIKANNYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Permohonan telah diperbuat oleh Norliah binti Hamzah yang beralamat 81-00-34, Jalan Sentul, Bandar Baru Sentul, 51000 Kuala Lumpur tuan punya bagi hakmilik yang tersebut di bawah ini kerana Suratan Hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

7

### JADUAL

Mukim—Hulu Bernam Timur. Bil. Lot—P.T. 1371. Jenis dan Bil. Hakmilik—H.S.(M) 863. Luas—1.9602 ha. Tuan punya berdaftar—Norliah binti Hamzah (No. K.P.: 490109-08-5496) 1/1 bhg.

Bertarikh 15 Disember 2004  
[PTSR(D) 11/2-354]

MOHAMMED YUSOF BIN SUDIN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang  
Slim River*

### No. 7.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik asal diakui hilang oleh Tuan Syed Jamalludin bin Syed Osman, No. 4, Jalan 7/5A, Seksyen 7, Taman Tun Teja, Bandar Baru Bangi, 42650 Selangor.

### JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. Bil. Lot—133959. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 5207. Luas—1277 meter persegi. Tuan punya—Syed Jamalludin bin Syed Osman, Syed Yusoff bin Syed Osman, Syed Azahar bin Syed Osman dan Sharifah Sabariah binti Syed Osman.

Bertarikh 16 Disember 2004  
[PTK(I) 7/1/2004 SJ. 35]

SAKINAH BINTI ARIFFIN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kinta  
Ipoh*

### No. 8.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Hakmilik asal diakui hilang oleh Azhar bin Jalani, 200, Jalan Rebana, Kg. Tengku Hussin Baru, 30020 Ipoh.

### JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. Bil. P.T.—117861. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 6770. Luas—418 meter persegi. Tuan punya—Azhar bin Jalani.

Bertarikh 16 Disember 2004  
[PTK(I) 7/1/2004 SJ. 36]

SAKINAH BINTI ARIFFIN  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kinta  
Ipoh*

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

8

[6hb Jan. 2005]

## No. 9.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah-tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Surat hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

### JADUAL

Mukim	No. Geran	No. Lot	Luas	Nama-Nama Tuan Tanah	No. Fail PTLM
Jebong	1135	1527	2.1752 HEKTAR METER PERSEGI	Mansur bin Endut 1/2 bhg. dan Zaharah binti Mohd Isa 1/2 bhg.	260/59/2004/04
Tupai	471	1104	1239.3478	Wong Kow a/p Wong Chew 1/3 bhg., Yoong Ah Kow 1/12 bhg., Yoong ah Mooi 1/12 bhg., Yoong Ngan Ngan Hoe 1/12 bhg., Yoong Ngan Nooi 1/12 bhg., Yoong Sam Fatt 1/12 bhg., Yoong Sum Kong 1/12 bhg., Yoong Sum On 1/12 bhg., Wong Kew a/p Wong Chew sebagai Pemegang Amanah 1/12 bhg.	260/60/2004/12
Tupai	1291	787	379.3922	Wong Kow a/p Wong Chew 8/24 bhg., Yoong Ah Kow 2/24 bhg., Yoong Ah Mooi 2/24 bhg., Yoong Ngan Ngan Hoe 2/24 bhg., Yoong Ngan Nooi 2/24 bhg., Yoong Sam Fatt 2/24 bhg., Yoong Sum Kong 2/24 bhg., Yoong sum On 2/24 bhg. dan Wong Kew a/p Wong Chew sebagai Pemegang Amanah 2/24 bhg.	260/60/2004/12
Tupai	1020	387	0.9561 HEKTAR	Abdul Wahid bin Husin 28/240 bhg. dan Chuan Sin Sdn. Bhd. 212/240 bhg.	260/61/2004/12

Bertarikh 20 Disember 2004  
[PTLM. 260/59/2004/04]

HAJI MD SHAFIE BIN HAJI MUDA  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Larut, Matang dan Selama*

## No. 10.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan suratan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut di dalam Jadual di bawah ini sebab yang berikut:

Hakmilik telah diakui hilang.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

9

## JADUAL

(1) Mukim/ Tarikh Permohonan	(2) Nama Pemohon	(3) No. Hakmilik HSM	(4) Lot PT	(5) Luas E. R. P.	(6) Nama Tuan Tanah Bahagian dan No. Fail
L. Merbau 29.11.2004	Hajar binti Ayob	40/85	224	3 0 00	Ayob bin Haji Mohamad 1/1 bhg. PTKK (P/H) 94/2004
Kg. Buaya 1.12.2004	Siti Khatijah binti Syed Sohor	GM 553	730	1 1 10	Anjang Jeliah binti Ngah Mat Yunus 5/480 bhg., Hafsa binti Du Karim 56/1536 bhg., Hamidah binti Ngah Abd Rahman 4/480 bhg., Hamidah binti Ngah Abd Rahman 14/1440 bhg., Jalilah binti Ngah Mat Yunus 4/1440 bhg., Meor Haslan Nasri bin Mohd Nayan 1/4 bhg., Ngah Abdul Rahman bin Ngah Mahmood 20/1440 bhg., Ngah Jeliah binti Mohd Junus 14/1440 bhg., Noor Habibah binti Mat Johor 28/1440 bhg., Noor Habibah binti Mat Sohor 42/1536 bhg., Siti Khatijah binti Syed Sohor 1/4 bhg., Tah Penoh binti Lebai Bilal sbg. wakil mentadbir 417/1920 bhg., Teh Mamat bin Anjang Mek 5/480 bhg., Teh Penoh binti Lebai Bilal 21/1440 bhg., Zaidah binti Mat Johor 28/1440 bhg. dan Zaidah binti Mat Sohor 77/768 bhg. PTKK (P/H) 95/2004
C. Galah 8.12.2004	Ahmad bin Abdul Hamid	3373	4425	8 0 11	Ahmad bin Abdul Hamid 1/1 bhg. PTKK (P/H) 96/2004
Sayong 13.12.2004	Sabariah binti Abu Kassim	EMR 4562	3707	5 2 04	Ali Khairudin bin Ibrahim 25/96 bhg., Ali Khairudin bin Ibrahim 7/96 bhg., Sabariah binti Abu Kassim 1/3 bhg. dan Zawayah binti Haji Mohamed Sariff 2/6 bhg. PTKK (P/H) 97/2004

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

10

[6hb Jan. 2005]

(1)	(2)	(3) GM	(4)	(5) E. R. P.	(6)
K.L. Kiri 16.12.2004	Harry Koay & Co.	3458	2298	6 0 28	Chuah Sey Chin 1/1 bhg. PTKK (P/H) 98/2004
Sayung 16.12.2004	Ho Chin Huah	1220	2144	1 3 21	Chan Lin sbg. Pemegang Amanah 1/13 bhg., Cheng Siew Soon 1/26 bhg., Chuah Teang Joo @ Chai Chung Jee 1/26 bhg., Ho Chin Huah 1/13 bhg., Ho Chin Huah 3/13 bhg., Ho Jin Keong 1/13 bhg., Ho Yut Tong 1/26 bhg., Kok Hun Pak dan Sons Sdn Berhad 9/26 bhg. dan Tan Geok Hong 1/13 bhg. PTKK (P/H) 99/2004
Senggang 9.12.2004	Abdul Ghani bin Abdul Samad	7890	6725	3 0 16	Abdul Ghani bin Abdul Samad 1/2 bhg., Yahya bin Abu Arshad 1/6 bhg., Zahari bin Abu Arshad 1/6 bhg., dan Zainudin bin Abu Arshad 1/6 bhg. PTKK (P/H) 100/2004
K.L. Kiri 23.12.2004	Mohamed Anuar bin Haji Musa	2554	4483	1 2 15	Mohamed Anuar bin Musa 1/1 bhg. PTKK (P/H) 102/2004
		3408	2259	2 1 3	Mohamed Anuar bin Musa 1/1 bhg. PTKK (P/H) 102/2004
		5246	1027	0.7082	HECTAR Hatijah @ Habibah binti Haji Sharuddin 1/2 bhg. dan Mohamed Anuar bin Musa 1/2 bhg. PTKK(P/H) 102/2004

Bertarikh 24 Disember 2004  
[PTKK(D) 13/81 Jld. 3]

AZMI BIN AYOB  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kuala Kangsar*

## No. 11.

(Seksyen 261)

PEMBERITAHU-PEMBERITAHU KEPADA PEMEGANG GADAI  
MENGENAI SIASATAN

Kepada Tetuan Cheong Wai Meng & Van Buerle yang beralamat di No. 49,  
Beach Street, 10300 Penang, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut  
dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang  
tersebut di dalamnya;

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

11

---

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara;

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Taiping pada hari Rabu, 15 Disember 2004 jam 10.30 pagi.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Trong. No. Lot—344. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1135. Luas—4.9498 hektar. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian: Pers No. 2122/1997 Jilid 52 Folio 128.

Bertarikh 29 November 2004  
[PTLM. 369/25/2004/10]

HAJI MD SHAFIE BIN HAJI MUDA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut Matang dan Selama*

### No. 12.

Kepada Tetuan Toh Theam Hock & Co. yang beralamat di No. 16, Jalan Kota, 34000 Taiping, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya;

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara;

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Taiping pada hari Rabu, 29 Disember 2004 jam 10.00 pagi.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—P.T. 5704. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 4416. Luas—721.0898 meter persegi. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian: Pers No. 131/2003.

Bertarikh 8 Disember 2004  
[PTLM. 369/27/2004/01]

HAJI MD SHAFIE BIN HAJI MUDA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut Matang dan Selama*

**No. 13.**

Kepada Tetuan Toh Theam Hock & Co. yang beralamat di No. 16, Jalan Kota, 34000 Taiping, pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya;

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260 (2) Kanun Tanah Negara.

Adalah diberi notis bahawa saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tuan/puan yang tersebut di Pejabat Tanah, Taiping pada hari Rabu, 26 Januari 2005 jam 9.30 pagi.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Bukit Gantang. No. Lot—2697. Jenis dan No. Hakmilik—GM 3617. Luas—455.2706 meter persegi. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian: Pers No. 344/2001 Jilid: 73 Folio: 21.

Bertarikh 14 Disember 2004  
[PTLM. 369/26/2004/03]

HAJI MD SHAFIE BIN HAJI MUDA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut Matang dan Selama*

**No. 14.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Lee King Kwee (KP.: 421012-08-5319) yang beralamat No. 135, Kampong Merbau, 32400 Ayer Tawar, Perak, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara;

Dan bahawasanya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Manjung pada 24 Mac 2005 jam 10.00 pagi.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sitiawan. No. Lot—311. Jenis dan No. Hakmilik—PM 2291. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 2008/97 Jilid: 94 Folio: 65.

Bertarikh 9 Disember 2004  
[PTM. D2/17-03]

HAJI MOHAMED YUSUF BIN GHAZALI  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Manjung*

**No. 15.**

(Seksyen 263)

## PERINTAH-PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Haji Md. Shafie bin Haji Muda, Pentadbir Tanah pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan cara lelongan awam, yang akan diadakan pada hari Jumaat, 14 Januari 2005 jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah, Larut dan Matang Taiping;
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM50,000.00 (Ringgit: Lima Puluh Ribu sahaja); dan
  - (c) Bukan Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah RM:
- (a) RM27,438.39 Public Bank Bhd.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM5,000.00 (Ringgit: Lima Ribu sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) Sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari daripada tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh 13 Mei 2005 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d) jumlah yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—Kamunting. No. Lot—5564. Jenis dan No. Hakmilik—PM 189. Luas—1431 meter persegi. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—Gadaian: Perserahan No.: 782/1997 Jilid: 50 Folio: 57.

Bertarikh 30 November 2004  
[PTLM 369/04/2004/05]  
Lelongan 1

HAJI MD. SHAFIE BIN HAJI MUDA  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Larut, Matang dan Selama*

**No. 16.**

Saya, Abdul Manap bin Ismail, Pentadbir Tanah setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Januari 2005, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Tapah; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM75,000.00.

2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM 82,692.56.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

15

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Bidor. No. PT—4444. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 4506. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 1049/2001.

Bertarikh 14 Disember 2004  
[PTBP.(D) 9/410]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang, Tapah*

#### No. 17.

Saya, Abdul Manap bin Ismail, Pentadbir Tanah setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Januari 2005, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Tapah; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM37,000.00.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM30,000.00.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batang Padang. No. PT—607. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 544. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 965/98 Jilid: 115 Folio: 15.

Bertarikh 14 Disember 2004  
[PTBP.(D) 9/400]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang, Tapah*

#### No. 18.

Saya, Abdul Manap bin Ismail, Pentadbir Tanah setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam, yang akan diadakan pada 27 Januari 2005, jam 10.00 pagi di Pejabat Tanah, Tapah; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM 37,000.00.
2. Saya dapat bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM 30,000.00.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Batang Padang. No. Lot/Petak/P.T.—808. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 745. Bahagian tanah (jika ada)—Semua bhg. No. berdaftar gadaian (jika ada)—No. Perserahan: 219/99 Jilid: 117 Folio: 6.

Bertarikh 15 Disember 2004  
[PTBP.(D) 9/431]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Batang Padang, Tapah*

#### AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960 (Akta 486)

#### LAND ACQUISITION ACT 1960 (Act 486)

#### No. 19.

(Seksyen 8)

#### PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN (Section 8)

#### DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan Tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Projek Pembinaan Jalan Pintas Ke Taman Rekreasi Felda Sungai Klah, Daerah Batang Padang.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Projek-Projek Pembinaan Jalan Pintas ke Taman Rekreasi Felda Sungai Klah, Daerah Batang Padang.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

#### JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Batang Padang. Mukim—Sungkai.

No. Lot Ukur/Survey Lot No.—4001. Hakmilik atau Kependudukan>Title or Occupation—PM 200. Tuan punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan/Registered Proprietor or Recorded Occupation—Abdullah bin Abd. Hamid 1/1 bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—3.4610 hek. (8.5523 ek). Anggaran Keluasan yang akan diambil/Approximate Area to be Acquired—0.1880 hek. (0.4640 ek).

Bertarikh 2 Disember 2004  
[PTG. Pk. 171/5-20(C); JKPTG.PK.171/5-2004-30A;  
PU.Pk. 67/71-37]

DATO' HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON  
*Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak/  
State Director of Lands And Mines Perak*

#### No. 20.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperlukan dalam Jadual di bawah ini adalah dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Tapak Kolam Air (Pakej 4) Bina/Pasang—Loji/Kolam Takungan dan Paip Utama Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat terletaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purpose:

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Tapak Kolam Air (Pakej 4) Bina/Pasang—Loji/Kolam Takungan dan Paip Utama Mukim Durian Sebatang, Daerah Hilir Perak.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

#### JADUAL/SCHEDEULE

Daerah/District—Hilir Perak. Mukim—Durian Sebatang.

No. Lot Ukur/Survey Lot No.—14254. Hakmilik atau Kependudukan>Title or Occupation—Geran 35741. Tuan punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupation—Consolidated Plantations Berhad— semua bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—2158 hek. (5332.5 ekar). Anggaran Keluasan yang akan diambil/Approximate Area to be Acquired—0.6477 hektar (1.6005 ekar).

Bertarikh 15 Disember 2004

Dated 15 December 2004

[PTG. Pk. 173/4-35(C); PTHP 12/445;  
PU.Pk. 67/71-37 (24)]

DATO' HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands And Mines  
Perak*

#### No. 21.

#### PEMBETULAN

Berhubung dengan Pemberitahuan Bil. 634 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 13 September 2003, gantikan Jadual dengan yang berikut:

#### CORRIGENDUM

With reference to Notification No. 634 published in the State of Perak Government Gazette on 13 September 2003 substitute the Schedule with the following Schedule:

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

6hb Jan. 2005]

19

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kiri.

No. Lot Ukur/Survey Lot No.—371. Hakmilik atau Kependudukan>Title or Occupation—GM 1387. Tuan punya berdaftar atau Penduduk yang direkodkan/ Registered Proprietor or Recorded Occupation—Mohamed Mohaidin bin Ismail 1/2 bhg.—sebagai Pemegang Amanah, Zabidah binti Mohamed 1/4 bhg. dan Aishah binti Abdullah 1/4 bhg. Keluasan Lot/Area of Lot—3 rod 19 pol. Anggaran Keluasan yang akan diambil/Approximate Area to be Acquired—0.135 ekar (0.0546 hektar).

Bertarikh 2 Disember 2004

[PTG. Pk. 514/7-19(C); JKPTG.Pk. UPT. Tk. 177/5/2001-15A;  
PU.Pk. 67/71-37]

DATO' HAJI MOHAMED HASHIM BIN KASMON  
*Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Perak/  
State Director of Lands And Mines Perak*

Hakcipta Pencetak(H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJANAN MALAYSIA